



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS  
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA  
3 APRIL 2022**

**PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL  
DAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19  
BERISIKO RENDAH (PKRC)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 2 April 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): Dua (2) negeri** iaitu WP Kuala Lumpur (67%) dan Selangor (50%) menunjukkan peratusan pengisian  $\geq 50\%$  (**Jadual 1**);
- **Katil Bukan ICU: Dua (2) negeri** iaitu WP Putrajaya (81%) dan Selangor (59%) menunjukkan peratusan pengisian  $\geq 50\%$  (**Jadual 1**);
- **Katil PKRC: Tiada negeri** yang menunjukkan peratusan pengisian  $\geq 50\%$  (**Jadual 1**); dan

- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (*ventilator*)** menurun kepada **153 pesakit** dengan peratusan **penggunaan ventilator 17%**.

**Jadual 1:** Penggunaan katil COVID-19 bagi ICU dan bukan ICU di hospital dan PKRC pada 2 April 2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID & PUI	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	165	29	18%	11	5	45%	114	0	0%
Kedah	1,228	241	20%	130	32	25%	666	29	4%
Pulau Pinang	691	174	25%	49	18	37%	800	28	4%
Perak	826	338	41%	55	12	22%	150	12	8%
Selangor	1,587	932	59%	86	43	50%	1385	154	11%
WP Kuala Lumpur	731	304	42%	30	20	67%	0	0	0%
WP Putrajaya	83	67	81%	3	0	0%	0	0	0%
Negeri Sembilan	516	147	28%	61	7	11%	224	25	11%
Melaka	283	92	33%	32	9	28%	849	65	8%
Johor	1,616	455	28%	56	20	36%	585	2	0%
Pahang	771	172	22%	81	22	27%	722	42	6%
Terengganu	487	172	35%	40	6	15%	641	46	7%
Kelantan	750	160	21%	48	18	38%	842	38	5%
Sabah	1,313	238	18%	118	32	27%	1,473	14	1%
Sarawak	1,000	390	39%	73	17	23%	1095	100	9%
WP Labuan	98	11	11%	7	0	0%	130	0	0%
<b>JUMLAH</b>	<b>12,145</b>	<b>3,922</b>	<b>32%</b>	<b>880</b>	<b>261</b>	<b>30%</b>	<b>9,676</b>	<b>555</b>	<b>6%</b>

## Jadual 2: Penggunaan keseluruhan katil termasuk kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital awam pada 2 April 2022

### PENGGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID-19 DI HOSPITAL PADA 2.4.2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	484	236	49%	19	12	63%
Kedah	2609	1413	54%	146	65	45%
Pulau Pinang	1969	1173	60%	86	51	58%
Perak	5218	2742	53%	102	55	54%
Selangor	5176	2383	46%	192	128	67%
WP Kuala Lumpur	4366	1808	41%	97	77	79%
WP Putrajaya	585	202	35%	20	11	55%
Negeri Sembilan	1807	875	48%	97	41	42%
Melaka	1223	769	63%	92	48	52%
Johor	5193	2841	55%	114	67	59%
Pahang	1872	958	51%	120	51	43%
Terengganu	1548	851	55%	61	27	44%
Kelantan	2796	1490	53%	158	106	67%
Sabah	4177	1875	45%	143	90	63%
Sarawak	3727	1769	47%	142	78	55%
WP Labuan	201	63	31%	12	3	25%
<b>JUMLAH</b>	<b>42,951</b>	<b>21,448</b>	<b>50%</b>	<b>1,603</b>	<b>910</b>	<b>57%</b>

Terdapat perbezaan antara **Jadual 1** dan **Jadual 2** di mana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah juga termasuk untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

## Jadual 3: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 ke hospital awam mengikut kategori dan negeri pada 2 April 2022

### BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID-19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI 2.4.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID-19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	165	0	1	0	3	0	4	10
Kedah	1,228	3	15	3	14	0	35	45
Penang	691	0	31	6	12	1	50	41
Perak	826	0	49	4	22	2	77	45
Selangor	1,587	11	59	25	22	7	124	159
WP Kuala Lumpur	731	7	20	10	7	1	45	61
WP Putrajaya	83	4	9	0	5	0	18	19
Negeri Sembilan	516	3	19	0	3	1	26	48
Melaka	283	1	12	3	1	0	17	19
Johor	1,616	3	36	33	24	1	97	95
Pahang	771	3	18	1	11	0	33	58
Terengganu	487	3	6	3	11	1	24	22
Kelantan	750	5	9	5	13	1	33	31
Sabah	1,313	0	6	5	3	3	17	34
Sarawak	1,000	11	34	10	8	0	63	79
WP Labuan	98	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>12,145</b>	<b>54</b>	<b>324</b>	<b>108</b>	<b>159</b>	<b>18</b>	<b>663</b>	<b>766</b>

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital (Jadual 3)** berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 2 April 2022, sebanyak **663 kes** COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan kategori berikut (**Rajah 1**):

- **285 kes (43.0 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **378 kes (57.0 peratus)** adalah kategori 1 dan 2.



**Rajah 1:** Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 berdasarkan kategori ke hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 2 April 2022:

- Kes sembuh: **20,383 kes** [3,997,786 kes kumulatif (94.4%)];
- Kes baharu: **14,692 kes** (4,234,087 kes kumulatif);
- Kes import: **218 kes** [209 warganegara (95.9%); 9 bukan warganegara (4.1%)];
- Kes tempatan: **14,474 kes** [13,835 warganegara (95.6%); 639 bukan warganegara (4.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **261 kes** (124 kes disahkan COVID-19; 137 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **153 kes** (64 kes disahkan COVID-19; 89 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

### **PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19**

Daripada **14,692 kes** harian yang dilaporkan pada 2 April 2022:

- Kategori 1: 8,557 kes (58.24%);
- Kategori 2: 6,056 kes (41.22%);
- Kategori 3: 27 kes (0.18%);
- Kategori 4: 19 kes (0.13%); dan
- Kategori 5: 33 kes (0.23%).

Daripada **79 kes** COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 2 April 2022:

- 19 kes (24.06%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 42 kes (53.16%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 18 kes (22.78%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 46 kes (58.23%) berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- 42 kes (53.16%) mempunyai komorbid;

### **KLUSTER COVID-19**

- Jumlah kluster: **6,940 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **2**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,750 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **190 kluster**.

## NILAI R<sub>T</sub>

Perincian nilai R<sub>T</sub> mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**Jadual 4:** Nilai R<sub>T</sub> mengikut negeri berdasarkan kes yang dilaporkan pada 2 April 2022

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI R<sub>T</sub></b>
Selangor	1.06
Melaka	0.86
Sarawak	0.85
Perak	0.84
WP Kuala Lumpur	0.81
WP Labuan	0.80
WP Putrajaya	0.79
Negeri Sembilan	0.78
Pahang	0.78
Terengganu	0.77
Johor	0.76
Pulau Pinang	0.73
Perlis	0.72
Kedah	0.72
Kelantan	0.68
Sabah	0.68
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.85</b>

## **NASIHAT KESIHATAN SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK (PEMAKANAN SIHAT, KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)**

Tahun 2022 merupakan tahun ketiga umat Islam menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak dalam suasana pandemik COVID-19 sejak ia melanda dunia. Bagi warga Malaysia, sudah tentu bulan Ramadhan kali ini amat bermakna memandangkan Malaysia telah memasuki **fasa peralihan ke endemik** sejak 1 April 2022. Pada bulan yang mulia ini, KKM ingin mengingatkan warga Malaysia supaya menitik beratkan aspek pemakanan yang sihat bagi memenuhi keperluan tenaga sepanjang berpuasa dan memastikan tahap kesihatan berada pada tahap yang optimum.

Amalan pemakanan sihat di bulan Ramadan termasuk:

- **Ambil makanan berkhasiat** yang dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan badan dengan kadar sederhana ketika bersahur;
- **Kawal kalori** dengan mengamalkan **pemakanan yang sederhana dan seimbang** dengan mengikut konsep **Suku Suku Separuh** ketika bersahur dan berbuka bagi mengelakkan peningkatan berat badan berlebihan, obesiti, dan seterusnya mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit (NCD). Suku pinggan daripada kumpulan



karbohidrat seperti nasi, roti, atau mi; suku pinggan lagi daripada sumber protein seperti ayam, ikan, dan telur; manakala separuh pinggan lagi adalah sayur dan buah;

- **Ambil makanan yang tinggi serat** seperti buah dan sayur bagi mengoptimumkan sistem imuniti badan. Pengambilan sayur dan buah setiap hari di bulan puasa juga penting untuk mengelakkan kejadian sembelit, mengelakkan dari mudah dijangkiti penyakit, dan membantu memberi rasa kenyang lebih lama;
- **Elakkan pengambilan minuman berkafein** seperti teh dan kopi yang boleh menyebabkan kehilangan air dalam badan;
- **Minum lapan (8) gelas atau dua (2) liter air** antara waktu berbuka hingga ke waktu sahur. Bawalah bekal air kosong ketika menunaikan solat terawih;
- **Makan secara perlahan-lahan dan tidak gopoh ketika berbuka.** Ambil makanan yang ringkas terlebih dahulu seperti kurma dan air kosong seterusnya hidangan berat selepas bersolat maghrib. Moreh boleh diambil jika perlu, tetapi elakkan mengambilnya dalam kuantiti yang besar;
- **Hadkan pengambilan makanan yang tinggi gula** seperti kuih-muih manis, bubur manis, dan minuman manis dalam kuantiti yang berlebihan; dan
- **Kurangkan pengambilan makanan yang berlemak, berminyak, dan masin.** Utamakan makanan yang disediakan dan masak di rumah dengan mempelbagaikan kaedah masakan yang lebih sihat seperti bakar, kukus,

panggang, dan rebus. Makanan yang disediakan sendiri bukan sahaja lebih sihat malah menjimatkan dan kebersihan juga terjamin.

Di samping itu, bulan Ramadhan juga merupakan bulan yang dinanti-nantikan oleh para peniaga makanan terutamanya peniaga bazar Ramadhan bagi menyajikan pelbagai aneka jualan makanan dan minuman. KKM ingin mengingatkan masyarakat agar terus mematuhi SOP dan mengamalkan norma-norma baharu semasa membeli makanan demi memastikan rantai jangkitan COVID-19 ini dapat diputuskan.

KKM juga ingin menasihati para peniaga supaya sentiasa menitik beratkan aspek kebersihan serta keselamatan makanan dan minuman yang dijual bagi mengelakkan kes keracunan makanan.

Keracunan makanan adalah penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar oleh toksin yang terhasil daripada bakteria, virus, atau parasit. Kes keracunan makanan ini tidak boleh dipandang enteng kerana ianya boleh menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan dan seterusnya mengancam nyawa.

Berdasarkan **Rajah 2**, tren penurunan episod keracunan makanan dicatatkan semenjak tahun 2019 iaitu 516 kes pada

tahun 2019, 288 kes pada tahun 2020, dan 197 kes pada tahun 2021. Dalam situasi pandemik COVID-19, kes keracunan makanan terus menurun sebanyak 31.6% iaitu daripada 288 kes pada tahun 2020 kepada 197 kes pada tahun 2021.



**Rajah 2** : Episod keracunan makanan di Malaysia dari tahun 2019 hingga 2021

**Episod keracunan makanan di Malaysia semasa bulan Ramadhan** mencatatkan penurunan pada tahun 2020 iaitu 22 kes berbanding 36 kes pada tahun sebelumnya, manakala terdapat peningkatan kes keracunan makanan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 39 kes (77.3%) **(Rajah 3)**. Hal ini berkemungkinan besar disumbangkan oleh pembelian juadah makanan di luar setelah kebenaran pengoperasian bazar Ramadhan dilaksanakan pada bulan Ramadhan tahun 2021 bersekali beberapa SOP yang ketat.



**Rajah 3** : Episod keracunan makanan di Malaysia semasa bulan Ramadhan dari tahun 2019 hingga 2021

KKM memandang serius mengenai kes keracunan makanan dan ingin mengingatkan masyarakat agar **mengamalkan lima (5) kunci keselamatan** makanan bagi memastikan makanan yang disediakan untuk ahli keluarga yang tersayang adalah bersih dan selamat iaitu:

- i. Menjaga kebersihan diri dengan mencuci tangan sebelum dan selepas menyediakan makanan;
- ii. Gunakan peralatan yang berasingan untuk makanan mentah bagi mengelakkan pencemaran kepada makanan yang telah dimasak;
- iii. Masak makanan dengan sempurna dan pastikan ianya dimakan dalam tempoh tidak melebihi dari empat (4) jam;

- iv. Simpan makanan sedia dimakan (*ready to eat food*) pada suhu yang bersesuaian dan tidak melebihi tiga (3) hari di dalam peti sejuk; dan
- v. Gunakan bahan mentah yang segar dan air yang bersih untuk memasak.

Konsep **lihat, hidu, dan rasa** sebelum makan juga hendaklah diamalkan supaya dapat mengelakkan memakan makanan yang telah rosak.

Akhir kata, KKM ingin mengucapkan selamat berpuasa dan selamat menjalani ibadah sepanjang bulan Ramadhan kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Semoga Ramadhan pada tahun ini dapat dijalani dengan penuh kesabaran, keikhlasan, ketakwaan, dan mendapat keberkatan dari yang Maha Esa.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*); Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid), tidak perlu hadir ke COVID-19 Assessment Centre (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>)

untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (*booster*) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

3 April 2022 @ 10.00 pagi



## Lampiran 1

**Jadual 5:** Perbandingan gejala COVID-19 Kategori 2A (ringan) dan 2B (sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti ( <i>exertional dyspnoea</i> )
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam